

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : UCAPAN ALU-ALUAN DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN 'ISLAM DAN PERINDUSTRIAN',
Lokasi :
Tarikh : 21-01-1993

Terlebih dahulu, saya adalah dengan amat sukacitanya mengalu-alukan kehadiran Y.A.B. Dato' Seri Dr.Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, di samping merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah sudi meluangkan masa untuk memberi ucapan dan seterusnya meresmikan persidangan ini.

Persidangan 'Islam dan Perindustrian' yang julung-julung kali diaturkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, JPM ini adalah bertujuan mendedahkan sumbangan Islam terhadap pembangunan umat Islam khususnya dan tamadun manusia umumnya melalui proses perindustrian. Penganjuran persidangan-persidangan seperti ini adalah merupakan program yang penting bagi IKIM. Selain daripada persidangan pada hari ini, IKIM juga akan mengendalikan seminar dengan takil-tajuk ikut:

- (i) Islamic Values and Management;
- (ii) Keadilan Dalam Islam;
- (iii) Seminar Islam dan Produktiviti; dan
- (iv) The role of religions in society, bersama Goethe Institute.

Semenjak penubuhannya, IKIM telah mengatur beberapa program seperti Penyelidikan, Penerbitan, Siri Perbincangan Intelektual, Forum, dan Dialog; Sumbangan makalah kepada Media Massa; dan penterjemahan karya sarjana Islam yang lama. Tiga tajuk penyelidikan telah dimulakan setakat ini iaitu:

- (i) Program penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara;
- (ii) Perindustrian dari padangan al-Qur'an, as-Sunnah dan tamadun Islam; dan
- iii. Islam dan Toleransi.

Bagi tahun 1993 ini, beberapa tajuk penyelidikan telah dikenalpasti seperti berikut:

- (i) Keadilan Islam dalam aspek ekonomi, sosial dan politik.
- (ii) Pembentukan sikap individu ke arah peningkatan kualiti dan daya pengeluaran;
- (iii) Hak dan tanggung-jawab individu dan masyarakat Islam dalam negara;
- (iv) Hak dan tanggungjawab individu dan masyarakat bukan-Islam dalam negara;
- (v) Pemerintahan dalam suasana masyarakat majmuk;
- (vi) Institusi keluarga dan isu poligami;
- (vii) Kemiskinan dalam Islam: Falsafah, Konsep dan Amalan; dan
- (viii) Sikap orang bukan-Islam terhadap Islam dan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran.

Di dalam penerbitan pula, IKIM telah pun menghasilkan

(i) Laporan Kongres Menjelang Abad 21: "Islam dan Wawasan 2020"

(ii) Perspektif IKIM No. 1;

(iii) emam, makalah dalam Utusan Malaysia di atas tajuk- tajuk berikut:

(i) Budaya Kerja;

(ii) Di Sebalik Kualiti;

(iii) Membangun Imej Ummat Islam;

(iv) Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam;

(v) Ciri-Ciri Pembangunan Manusia; dan

(vi) Islam Menuntut Kecemerlangan Dalam Perniagaan dan Keusahawanan; Antara penerbitan yang berada dalam proses penerbitan adalah prosiding bengkel berjudul, "Kefahaman Orang-Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Kesannya Terhadap Peningkatan Syiar Islam di Malaysia".

Bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang Islam, IKIM telah merancang untuk menganjurkan Siri Bengkel Kefahaman Islam pada tiap-tiap dua bulan. Siri Bengkel Kefahaman Islam yang pertama telah diadakan pada 16 November 1993 di atas tajuk "Kefahaman orang-orang bukan-Islam tentang Islam dan kesannya terhadap peningkatan syiar Islam di Malaysia". Siri Bengkel Kefahaman Islam seterusnya akan diadakan seperti berikut:

(i) Kefahaman orang bukan Islam tentang Islam dan kesannya terhadap peningkatan syiar Islam;

(ii) Interaksi antara kaum di kalangan mahasiswa;

(iii) Pembinaan masyarakat yang bersatu padu di kalangan belia;

(iv) Islamic Financial System: Its role in the modern economic setting.

IKIM juga sedang merancang untuk mengendalikan projek penterjemahan buku-buku karya asli oleh cendekiawan Islam yang silam. Projek ini akan mendedahkan sumbangan terhadap ilmu yang bermutu oleh cendekiawan Islam di masa yang lampau.

Sekianlah serba ringkas program-program penting IKIM bagi tahun ini. IKIM adalah berharap bahawa masyarakat Malaysia akan membantu kami dalam usaha-usaha yang demikian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakam setinggi-tinggi terima kasih kepada Y. Bhg. Tan Sri Dato' Jaafar Hussein yang telah memberikan kerjasama dan bermurah hati untuk membenarkan IKIM dan UPE menggunakan segala kemudahan di Bank Negara Malaysia bagi menjayakan persidangan ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Ali Abul Hassan, Ketua Pengarah UPE, di atas kerjasama beliau dalam menganjurkan persidangan ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pembentang kertas kerja, pengerusi sesi, pengulas, dan ahli-ahli jawatankuasa penganjur kerana menjayakan persidangan ini.

Dengan hormat dan takzimnya saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, untuk menyampaikan ucapan beliau dan seterusnya merasmikan persidangan ini.